

# TRC Synergy raih kontrak laluan LRT

**T**RC Synergy Bhd memperoleh kontrak pembinaan fasa pertama projek lanjutan laluan Transit Aliran Ringan (LRT) Kelana Jaya bernilai RM950 juta daripada Syarikat Prasarana Negara Bhd.

Syarikat itu dalam kenyataannya berkata, kontrak yang diperoleh menerusi anak syarikatnya, Trans Resources Sdn Bhd adalah bagi laluan LRT sepanjang 9.2 kilometer dari Stesen Kelana Jaya ke Pusat Beli-Belah Summit di Subang.

Ia katanya, akan memba-bitkan pembinaan semua substruktur dan struktur utama serta kerja asas untuk stesen dan substesen.

Pemerolehan kontrak terbaru itu, sekali gus meningkatkan jumlah tempahan kontrak TRC kepada RM1.2 bilion.

Mengulas perkembangan

## FAKTA NOMBOR

**RM950**  
**juta**

Kontrak fasa pertama projek lanjutan laluan LRT Kelana Jaya

itu, Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Seri Sufri Mohd Zin, berkata pengalaman luas TRC serta rekod cemerlangnya melaksanakan pelbagai projek besar dan mencabar menjadi faktor utama syarikat memperoleh kontrak berkenaan.

"Projek itu akan siap dalam tempoh 30 bulan," katanya.

TRC yang disenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia mengkhusus dalam projek pembinaan bangunan dan prasarana serta kontrak bangunan dan reka bentuk.

Sejak tiga tahun lalu, TRC sudah menyiapkan beberapa projek besar, antaranya ialah pangkalan kapal selam bernilai RM411 juta di Teluk Sepang, Sabah, pelebaran landasan (Pakej 3 dan Pakej 4) di Lapangan Terbang Terengganu dengan kos RM401 juta dan ibu pejabat polis daerah Dang Wangi bernilai RM125 juta.

Beliau berkata, berdasarkan komitmen syarikat itu melaksanakan inisiatif di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), pihaknya yakin mampu memperoleh lebih banyak kontrak pada masa hadapan.